



SIARAN AKHBAR

PENGEMASKINIAN ALERT LIST BDCB MAC 2023

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) ingin memaklumkan orang ramai mengenai pengemaskinian Alert List BDCB.
2. Alert List BDCB adalah senarai individu, syarikat dan laman web yang tidak diberi kebenaran atau kelulusan di bawah undang-undang dan peraturan-peraturan di bawah kawalan BDCB, atau mana-mana aktiviti yang menimbulkan kecurigaan akan berlaku aktiviti yang menyalahi undang-undang. Senarai ini adalah tanpa prejudis kepada sebarang penilaian lanjut oleh BDCB mengenai aktiviti-aktiviti syarikat berkenaan.
3. BDCB juga ingin memaklumkan orang ramai bahawa individu, syarikat atau entiti yang telah dimasukkan ke dalam Alert List BDCB bagi bulan Mac 2023 adalah seperti berikut:
 - a) *Personal Loans Singapore & Brunei [IG profile]* / *personal_loan_singapore_brunei* / *Online Money Loan Brunei [IG profile]* / *online_money.loan_brunei* [8134669];
 - b) *Kim Ong [FB Profile]*;
 - c) *Whale Capital Investment [+60176858379]*;
 - d) *FXOPEN Investment* / *fxopen brunai [IG profile]*;
 - e) *Goldfx_BN*;
 - f) *Invetsment_brunei [IG profile]*;
 - g) *Bank_investasi_goldsaham* / *Gold Saham Trade Investment*;
 - h) *PW-BNTRADE [IG profile]* [8220472]; dan
 - i) *bsntrader_bn*.
4. Alert List BDCB yang telah dikemaskinikan boleh didapati di laman web BDCB.
5. BDCB ingin menasihatkan orang ramai supaya hanya berurusan dengan institusi-institusi kewangan yang berlesen dan seterusnya, untuk berwaspada terhadap entiti atau individu tidak berlesen yang menjalankan atau menawarkan perkhidmatan kewangan, terutamanya yang berunsurkan skim cepat kaya dan skim piramid. Antara perkhidmatan-perkhidmatan kewangan di bawah bidang kuasa BDCB adalah penukaran wang, pengiriman wang dan pinjaman wang. Orang ramai juga diingatkan bahawa perlindungan di bawah rangka kerja penyeliaan BDCB tidak dapat diberikan kepada sesiapa yang memilih untuk berurusan dengan entiti, syarikat atau individu yang tidak dilesen atau dikawalselia.
6. Orang ramai juga boleh melayari laman web BDCB di www.bdcb.gov.bn atau Instagram BDCB @centralbank.brunei untuk maklumat lanjut mengenai bahaya entiti kewangan tidak berlesen serta cara-cara mengenal pasti penipuan kewangan.

7. BDCB akan terus mementingkan kestabilan kewangan Negara Brunei Darussalam dan mengutamakan perlindungan sistem kewangan dan kepentingan pengguna kewangan di Negara Brunei Darussalam. BDCB juga akan terus memantau sebarang aktiviti kewangan yang mencurigakan atau tidak berlesen di Negara Brunei Darussalam. Jika orang ramai mempunyai sebarang maklumat mengenai aktiviti yang tidak berlesen, sila hubungi BDCB melalui talian 2380007 atau 8380007 atau emel melalui fci@bdcb.gov.bn.

Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 29 Sya'ban 1444H / 22 Mac 2023M

Rujukan: BDCB/COMMS/3